

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB IR. SHAHARUDDIN BIN
ISMAIL
(KANGAR)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bilangan jumlah pelatih yang masih gagal untuk melaporkan diri ke Program Latihan Khidmat Negara setelah tamat tempoh penangguhan dan tindakan yang telah diambil kepada individu yang ingkar tanpa sebab yang diterima untuk urusan pengecualian.

JAWAPAN:

Pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dibenarkan untuk memohon penangguhan dari menjalani program ini sekiranya beliau akan menduduki peperiksaan utama yang dijalankan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Majlis Peperiksaan Malaysia. Selain itu, pelatih yang sedang meneruskan pengajiannya dalam tempoh beliau dikehendaki menjalani PLKN juga layak memohon penangguhan. Kelulusan penangguhan ini tidak melepaskan pelatih daripada Akta Latihan Khidmat Negara 2003 (Akta 628). Oleh itu pelatih yang telah tamat tempoh penangguhannya boleh memohon kepada Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) untuk menjalani semula PLKN mengikut tarikh-tarikh latihan yang telah ditetapkan. Kemudahan pelatih memilih tarikh latihan tersebut selepas tamat tempoh penangguhan mengikut kesesuaian masa sendiri membolehkan pelatih hadir ke PLKN tanpa gagal.

Mana-mana pelatih yang gagal hadir ke PLKN tanpa mendapatkan penangguhan mahupun pengecualian akan dikategorikan sebagai pelatih ingkar PLKN. Pelatih-pelatih ingkar PLKN akan disiasat oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan sekiranya didapati bersalah oleh mahkamah akan dikenakan hukuman mengikut peruntukan Akta Latihan Khidmat Negara (Akta 628).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
DARIPADA [KANGAR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) sehingga Jun 2014, berapakah jumlah peminjam PTPTN yang telah berjaya menukarkan pinjaman ke biasiswa berdasarkan pecahan IPTA dan kaum; dan
- (b) adakah Kerajaan mempunyai strategi yang lebih komprehensif untuk memastikan peminjam, PTPTN tampil menjelaskan hutang mereka selain menyenarai hitam para peminjam.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Sehingga 30 Jun 2014, seramai 21,796 orang peminjam yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kepujian dengan Kelas Pertama telah diberikan pengecualian bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melibatkan amaun pinjaman RM594.24 juta. Dari jumlah tersebut, 16,482 orang peminjam adalah pelajar institusi pengajian tinggi awam.
- (b) Peminjam PTPTN adalah tertakluk kepada perjanjian pinjaman yang telah diterima dan dipersetujui, yang menyatakan dengan terperinci terma-terma serta syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh

peminjam. Selain menghalang peminjam ingkar ke luar negara, kegagalan peminjam untuk memberi maklum balas terhadap Notis Tuntutan akan menyebabkan saman difailkan ke mahkamah terhadap peminjam ingkar tersebut bagi mendapatkan penghakiman sekali gus menuntut kesemua baki pinjaman yang belum di bayar balik.

Usaha untuk meningkatkan sistem perkhidmatan kepada pelanggan sentiasa diutamakan bagi memudahkan dan meningkatkan bayaran balik pinjaman antaranya:

- i. mempelbagaikan saluran bayaran balik pinjaman antaranya melalui potongan gaji secara tetap melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri, dan melalui kaunter dan pembayaran secara dalam talian (*online*) melalui ejen-ejen yang dilantik seperti bank-bank tempatan dan Pos Malaysia;
- ii. PTPTN telah menubuhkan 14 Pejabat PTPTN Negeri, 2 *One Stop Centre* dan 7 Pejabat PTPTN Cawangan yang telah beroperasi di seluruh negara bagi memberi khidmat/rundingan nasihat dengan perancangan bayaran balik yang mampu bayar oleh peminjam; dan
- iii. PTPTN bekerjasama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan institusi pengajian tinggi mengadakan taklimat kepada pelajar tahun akhir/bakal graduan tentang kesedaran dan kepentingan membuat bayaran balik pembiayaan pendidikan.